



BULETIN SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Edisi Julai - September 2023 Bil 3/2023 *ISSN 1823-3392* Percuma



Sesi Libat Urus Panduan Gangguan Seksual dan Buli di Institusi Pendidikan Malaysia Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia

muka surat 14



Festival Safe in Custody

muka surat 13

'World Cleanup Day' Peringkat SUHAKAM

muka surat 19



SIDANG REDAKSI

Penasihat
Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong
Setiausaha

Editor
Muhammad Syafiq Ikhwan
Ghazali
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik
Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

Dicetak oleh
TEGUH MEWAH

No. 10, Jalan Bullion Mewah 8
Taman Bullion Mewah,
68100, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur



© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiarkan semula tanpa keizinan.



KANDUNGAN

MS

04	<ul style="list-style-type: none">Pertandingan Mereka Cipta Kemeja-T SUHAKAM bertemakan 'Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan!'Sesi Perbincangan Bersama Pergerakan Stateless Malaysians Citizenship (SMCM)
05	<ul style="list-style-type: none">Kenyataan Media Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) mengenai tanggungjawab ibubapa terhadap keselamatan kanak-kanak
06	<ul style="list-style-type: none">Mesyuarat Kedua Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) South East Asia National Human Rights Institution Forum (SEANF)
07	<ul style="list-style-type: none">Lawatan Pemantauan ke Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas, JohorLawatan ke Rumah Kasih Tun Abdul Aziz (RKTAA) Durian Daun, Melaka
08	<ul style="list-style-type: none">Reruai pameran sempena Festival Maal Hijrah 1445/2024
09	<p>Lawatan Berkala Pejabat SUHAKAM Sabah</p> <ul style="list-style-type: none">Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sandakan, SabahJabatan Penjara Sandakan, Sabah
10	<ul style="list-style-type: none">Lawatan Pejabat SUHAKAM Sarawak ke Eden-On-The-Park dan Rumah Seri Kenangan
11	<ul style="list-style-type: none">Program Hak Warga Emas anjuran Pejabat SUHAKAM Sarawak
12	<ul style="list-style-type: none">Lawatan pemantauan ke BOH Tea Garden, Sungai Palas, Cameron HighlandsKunjungan hormat oleh wakil khas untuk Hak Asasi Manusia, Kementerian Luar Negeri, Republik Rakyat China
13	<ul style="list-style-type: none">Festival Safe in Custody
14	<ul style="list-style-type: none">Sesi libat urus panduan gangguan seksual dan buli di Institusi Pendidikan Malaysia
15	<ul style="list-style-type: none">Bengkel Memahami Ketidakupayaan Asas Perundangan Inklusif (DET) dan kursus intensif pengenalan kepada bahasa isyarat
16	<ul style="list-style-type: none">Konsultasi isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di Kota Kinabalu
17	<ul style="list-style-type: none">Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai mencari penyelesaian jangka panjang bagi isu tanpa kewarganegaraan di Sabah
18	<ul style="list-style-type: none">Kunjungan hormat ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)Mesyuarat bersama Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Majlis Peguam (Bar Council)
19	<ul style="list-style-type: none">'World Cleanup Day' Peringkat SUHAKAM
20	<ul style="list-style-type: none">Bengkel Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM)
21	<ul style="list-style-type: none">Bual bicara Islam dan Hak Asasi Manusia dalam rancangan televisyen Assalamualaikum
22	<ul style="list-style-type: none">Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali ke-28 dan Persidangan Dwitahunan Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF)
23	<ul style="list-style-type: none">Pertemuan bersama Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)



Nur Yuliani Yurhana



Kim Nasyrah
Mohd Ghazali



Wan Nur Syahirah
Megat Ismail

PERTANDINGAN MEREKA CIPTA KEMEJA-T SUHAKAM

SUHAKAM mengucapkan tahniah kepada para pemenang Pertandingan Mereka Cipta Kemeja-T SUHAKAM yang bertemakan 'Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan!'. Sekretariat turut ingin merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian, sekaligus memeriah dan menjayakan pertandingan ini.

Nantikan lebih banyak pertandingan anjuran SUHAKAM pada masa akan datang!

15 JULAI 2023

SESI PERBINCANGAN BERSAMA PERGERAKAN STATELESS MALAYSIANS CITIZENSHIP (SMCM)

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) telah menghadiri sesi perbincangan bersama Pergerakan Stateless Malaysians Citizenship (SMCM) pada 15 Julai 2023. Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Encik KC Kuan, Penyelaras SMCM, diikuti oleh Dr. Farah Nini Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-kanak. Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi soal jawab antara ahli SMCM dan Anggota Suruhanjaya OCC. Kisah yang dikongsikan ahli SMCM telah membuka mata dan memberi kesedaran kepada hadirin serta berharap jalan penyelesaian terhadap isu tanpa kewarganegaraan dapat segera ditemui.



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

MENGENAI TANGGUNGJAWAB IBUBAPA TERHADAP KESELAMATAN KANAK-KANAK



**KENYATAAN MEDIA PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHKAM)**

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (11 JULAI 2023) - Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) mengingatkan ibu bapa atau penjaga mengenai tanggungjawab mereka untuk lebih peka dan cakna terhadap keselamatan anak-anak. CC menegaskan bahawa kecederaan fizikal atau emosi, atau kematian kanak-kanak akibat sikap tidak acuh ibu bapa bukanlah satu kemalangan sebaliknya satu kecuaian. Pihak berkuasa wajar mengambil tindakan tegas terhadap ibu bapa atau penjaga yang cuai dengan melaksanakan peruntukan sedia ada dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], demi kepentingan terbaik kanak-kanak.

CC amat berdukarita dengan kes kematian kanak-kanak kecil akibat lemas kerana perahu angin terbalik di Baling, Kedah dan pelbagai lagi kejadian malang yang berlaku terhadap kanak-kanak akibat kecuaian. Data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan bahawa kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun pada tahun 2018 meningkat berbanding tahun 2017, dengan negeri Sabah mencatatkan kadar kematian kanak-kanak tertinggi iaitu 12.7 per 1000 kelahiran. Data yang menggusarkan tersebut turut menyatakan bahawa antara punca utama kematian adalah kes yang boleh dicegah seperti kecederaan dan jangkitan akibat tiada imunisasi.

Kecederaan fizikal atau emosi, atau kematian kanak-kanak disebabkan kecuaian ibu atau bapa atau penjaga merupakan kesalahan serius di bawah Seksyen 31 Akta 611, dan jika disabitkan kesalahan, ibu bapa atau penjaga boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Hukuman di atas merupakan peningkatan hukuman yang dibuat dalam Akta 611 pada tahun 2016 sebagai suatu bentuk pencegahan terhadap kes kecuaian melibatkan kanak-kanak di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga. Malahan Seksyen 31 dan 33 Akta 611 turut diperkasakan dengan menambah hukuman khidmat masyarakat termasuk antara lain mewajibkan kehadiran ke bengkel keibubapaan kepada ibu bapa atau penjaga yang cuai dan sengaja membiarkan anak tanpa pengawasan.

Ibu bapa atau penjaga hanya berkemungkinan dikecualikan daripada tuduhan cuai jika mereka telah mengambil semua langkah keselamatan dan pencegahan yang sewajarnya.

-TAMAT-

Dr Farah Nini Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
11 Julai 2023



MESYUARAT KEDUA KUMPULAN KERJA TEKNIKAL (TWG) SOUTH EAST ASIA NATIONAL HUMAN RIGHTS INSTITUTION FORUM (SEANF)



19 - 21 JULAI 2023



SUHAKAM telah menghadiri dan menyertai Mesyuarat Kedua Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) *South East Asia National Human Rights Institution Forum (SEANF)*, yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Thailand (NHRCT). Program tersebut diadakan dalam format hibrid di Bangkok, Thailand dan melalui platform Zoom.

Antara penglibatan SUHAKAM semasa mesyuarat tersebut termasuklah :

- (i) membentangkan pencapaian dan aktiviti utama sejak bulan Mac 2023
- (ii) mempengerusikan Sesi Konsultasi Kumpulan Kerja Semakan Teknikal (TRWG) mengenai Keutamaan Strategik 4(a) untuk Mengkaji Proses dan Struktur SEANF
- (iii) menyertai lawatan ke Institusi Koreksional Wanita Pusat, Bangkok
- (iv) menyertai Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan anggota SEANF mengenai pencegahan penyeksaan

SUHAKAM turut berpeluang mendengar perkongsian daripada *Association for the Prevention of Torture* dan anggota SEANF tentang usaha yang telah dilaksanakan dalam bidang pencegahan penyeksaan.



24 JULAI 2023

LAWATAN PEMANTAUAN KE DEPOT TAHANAN IMIGRESEN PEKAN NENAS, JOHOR



26 JULAI 2023

LAWATAN KE RUMAH KASIH TUN ABDUL AZIZ (RKTAA) DURIAN DAUN, MELAKA



28 - 30 JULAI 2023

RERUAI PAMERAN SEMPENA FESTIVAL MAAL HIJRAH 1445/2023

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah dijemput untuk mengadakan pameran sempena Festival Maal Hijrah 1445/2023 bertempat di Masjid Jamek Negeri Sarawak. SUHAKAM, merupakan antara lebih daripada 20 agensi awam dan swasta lain yang turut mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

Pameran selama 3 hari itu menyediakan ruang kepada SUHAKAM untuk mempromosikan tugas dan fungsi SUHAKAM kepada masyarakat umum sekaligus menyebarluas ilmu mengenai hak asasi manusia. Para pegawai Pejabat SUHAKAM Sarawak yang terlibat turut berpeluang berbincang mengenai isu-isu hak asasi manusia bersama orang awam yang meluangkan masa untuk singgah ke reruai pameran SUHAKAM. Di samping itu, aktiviti teka silang kata turut dijalankan bagi meningkatkan kefahaman hadirin mengenai hak asasi manusia.



LAWATAN BERKALA PEJABAT SUHAKAM SABAH

8 OGOS 2023

IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SANDAKAN, SABAH



Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan lawatan berkala ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sandakan, Sabah. Delegasi SUHAKAM disambut oleh Timbalan KPD Sandakan, Supt. Ramasamy A/L Kuppan, bersama pegawai-pegawai kanan IPD Sandakan. Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat berhubung operasi lokap serta isu-isu berbangkit di IPD Sandakan, diikuti lawatan ke seluruh kawasan lokap. Wakil SUHAKAM turut berpeluang menemubual secara rawak beberapa penghuni lokap dan anggota yang bertugas.

9 OGOS 2023

JABATAN PENJARA SANDAKAN, SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan lawatan berkala ke Jabatan Penjara Sandakan, Sabah. Delegasi SUHAKAM disambut oleh Pengarah Penjara Sandakan, PKP Ab. Nasif Sarahan, bersama pegawai-pegawai kanan Penjara Sandakan. Selain sesi taklimat mengenai isu-isu yang dihadapi oleh Penjara Sandakan, SUHAKAM turut dibawa melawat ke blok-blok tahanan, klinik dan dapur serta bengkel. Di samping itu, wakil delegasi yang hadir telah berpeluang menemubual secara rawak beberapa penghuni dan kakitangan yang bertugas di Penjara Sandakan.



LAWATAN PEJABAT SUHAKAM SARAWAK KE EDEN-ON-THE-PARK DAN RUMAH SERI KENANGAN



Delegasi SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke perkampungan dan pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh pihak swasta iaitu Eden-On-The-Park dan juga pihak Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) di Kuching, Sarawak.

Antara tujuan utama lawatan ialah untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai konsep perkampungan warga emas dan perkhidmatan yang disediakan. Pemerhatian yang diperoleh hasil lawatan tersebut termasuklah kualiti fasiliti, kemahiran kakitangan / petugas dan pemberian subsidi.

Untuk rekod, Eden-On-The-Park merupakan resort bersepadu dengan kemudahan penjagaan warga emas yang pertama di Malaysia, dibangunkan berdasarkan model yang terbukti di Australia dan New Zealand manakala RSK Kuching merupakan institusi warga emas di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS).

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada Encik Victor Fong, Pengasas dan Pengarah Urusan Eden-On-The-Park, Puan Sharifah Ranimah, Pengetua RSK Kuching serta warga kerja Eden-On-The-Park dan RSK atas kerjasama yang diberikan sepanjang sesi lawatan tersebut.



PROGRAM HAK WARGA EMAS ANJURAN BAHAGIAN DASAR DENGAN KERJASAMA PEJABAT SUHAKAM SARAWAK

Bahagian Dasar (PD) dengan kerjasama Pejabat SUHAKAM Sarawak telah menganjurkan dua buah program berkaitan hak warga emas iaitu Forum Hak Warga Emas Kepada Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan pada sesi pagi, manakala Perbincangan Meja Bulat Berkenaan Hak Warga Emas di Sarawak pada sesi perbincangan Hotel Hilton, Kuching.

Forum tersebut menjadi medan perbincangan berkaitan isu dan cabaran dalam memenuhi hak warga emas serta langkah-langkah memperkasakan warga emas menjelang 2030. Forum yang telah dihadiri seramai 121 peserta yang terdiri daripada wakil kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO) dan ahli akademik itu telah merumuskan beberapa isu termasuklah perlindungan sosial, peluang pekerjaan, hak kesihatan serta rumah persaraan warga emas.

Seterusnya, pada sebelah petang hari yang sama, seramai 18 orang wakil pelbagai agensi kerajaan telah hadir ke Perbincangan Meja Bulat Berkenaan Hak Warga Emas di Sarawak. Tujuan utama perbincangan tersebut ialah untuk mendapatkan perkembangan terkini berhubung dasar-dasar warga emas sedia ada di samping mendapatkan maklumat berkenaan tindakan / amalan terbaik yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri dalam memastikan kesejahteraan dan pemerkasaan warga emas.



LAWATAN PEMANTAUAN KE BOH TEA GARDEN, SUNGEI PALAS, CAMERON HIGHLANDS



SUHAKAM telah mengadakan lawatan pemantauan ke BOH Tea Garden, Sungai Palas, Cameron Highlands. Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat berhubung pengurusan ladang teh yang disampaikan oleh Encik Mohd Ishak Mohd Aderis, Pengurus Sumber Manusia dari Ibu Pejabat BOH Plantation dan Encik Muhamad Zahiruddin Samidi, Pengurus Ladang BOH Tea Garden, Sungai Palas, Cameron Highlands.

Seterusnya, delegasi SUHAKAM telah dibawa melawat kilang pemprosesan teh, tempat tinggal pekerja ladang teh Sungai Palas, klinik kesihatan, dobi, kedai runcit serta turut berpeluang menemubual beberapa pekerja migran dan tempatan di ladang teh tersebut.

18 OGOS 2023

KUNJUNGAN HORMAT OLEH WAKIL KHAS UNTUK HAK ASASI MANUSIA, KEMENTERIAN LUAR NEGERI, REPUBLIK RAKYAT CHINA

SUHAKAM yang diketuai oleh Pengerusi, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Yang Xiaokun, Wakil Khas untuk Hak Asasi Manusia, Kementerian Luar Negeri, Republik Rakyat China.

Antara topik yang dibincangkan ialah kesejagatan dan relativisme budaya, situasi hak asasi manusia di China terutamanya di Xinjiang dan Tibet, situasi warga China di Malaysia, serta pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia dan China.

SUHAKAM menghargai pertukaran idea semasa perjumpaan tersebut serta mengalu-alukan libat urus pada masa hadapan.



19 - 20 OGOS 2023

FESTIVAL SAFE IN CUSTODY

SUHAKAM dengan kerjasama Gabungan Kempen #ACT4CAT telah menganjurkan Festival Safe in Custody yang berlangsung pada 19 – 20 Ogos 2023 di Rumah Tangsi, Kuala Lumpur. Pelbagai pengisian menarik telah diadakan sepanjang festival selama 2 hari tersebut yang memberi fokus terhadap penyampaian mesej kepada orang awam khususnya golongan belia mengenai isu-isu hak asasi manusia terutamanya yang melibatkan keselamatan ketika dalam tahanan.



SAFE IN CUSTODY

FESTIVAL

RUMAH TANGSI, KUALA LUMPUR

19th & 20th
AUGUST 2023

Organized by :



Venue host : RUMAH TANGSI





21 - 22 OGOS 2023

SESI LIBAT URUS PANDUAN GANGGUAN SEKSUAL DAN BULI DI INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah menerima jemputan bagi menghadiri 'Sesi Libat Urus Panduan Gangguan Seksual dan Buli di Institusi Pendidikan Malaysia' di Dewan Tan Sri Abdul Rahman, Lembaga Peperiksaan, Putrajaya. Sesi libat urus ini bertujuan menambah baik garis panduan yang telah dikemas kini oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya dapat dijadikan panduan oleh guru-guru dalam mengurus dan mengambil sebarang tindakan bagi kes buli serta gangguan seksual yang banyak terjadi dalam kalangan murid di sekolah. OCC mengucapkan terima kasih kepada pihak KPM atas kesudian melibatkan OCC dalam sesi kali ini.



BENGKEL MEMAHAMI KETIDAKUPAYAAN ASAS PERUNDANGAN INKLUSIF (DET) DAN KURSUS INTENSIF PENGENALAN KEPADA BAHASA ISYARAT



Menyedari hakikat kesukaran yang perlu dihadapi oleh golongan orang kurang upaya (OKU) terutamanya mereka yang menghadapi masalah penglihatan dan pendengaran, Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) dengan kerjasama Sekretariat Pelaksana Inklusiviti (SPIM) dan Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) telah menganjurkan Bengkel Memahami Ketidakupayaan Asas Perundangan Inklusif (DET) dan Kursus Intensif Pengenalan Kepada Bahasa Isyarat khusus untuk pegawai dan kakitangan SUHAKAM. Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk menyampaikan pengetahuan asas berkenaan perundangan yang melibatkan OKU di samping melatih peserta untuk memahami asas bahasa isyarat.

Diharapkan penganjuran bengkel seumpama ini bukan sahaja dapat meningkatkan rasa empati terhadap golongan OKU, tetapi dalam masa yang sama menguatkan lagi semangat pegawai dan kakitangan SUHAKAM dalam memperjuangkan hak semua orang termasuk OKU.



KONSULTASI ISU BURUH PAKSA DAN BURUH KANAK-KANAK DI KOTA KINABALU



SUHAKAM melalui Pejabat SUHAKAM Sabah telah menganjurkan sesi konsultasi bersama pemegang taruh berkenaan isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di Kota Kinabalu, Sabah. Pengajuran sesi konsultasi tersebut bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pemegang taruh berkenaan isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak, mendapatkan maklum balas berkenaan isu, halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pemegang taruh serta mengetahui keperluan dan sokongan utama yang diperlukan oleh pemegang taruh dalam menangani isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di Sabah.

Antara isu yang dibangkitkan semasa sesi konsultasi tersebut ialah proses pengambilan pekerja, pemerdagangan wanita bagi tujuan seksual, perlindungan kepada pemberi maklumat (whistleblower), hak untuk menubuhkan kesatuan sekerja, cabaran yang dihadapi oleh badan bukan Kerajaan (NGO), cabaran mengakses mekanisme aduan, dan pindaan terhadap Ordinan Buruh (Sabah Bab 67).



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) MENGENAI MENCARI PENYELESAIAN JANGKA PANJANG BAGI ISU TANPA KEWARGANEGARAAN DI SABAH



Bertempat di Semporna, Sabah, SUHAKAM, Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (*Commission on Human Rights of the Philippines - CHRP*) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Mencari Penyelesaian Jangka Panjang bagi Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah untuk tempoh 5 tahun, bermula 2023 sehingga 2028.

Salah satu fokus MoU dan pelan tindakan ialah usaha untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai isu orang tanpa kewarganegaraan dan mereka yang berisiko menjadi orang tanpa warganegara di Sabah.

Majlis menandatangani MoU tersebut dihadiri Anggota Suruhanjaya dan Pegawai SUHAKAM, Komnas HAM, dan CHRP, serta wakil Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (*Eastern Sabah Security Command*), Pejabat Daerah Semporna (PDS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), ketua masyarakat, agensi kerajaan dan pihak media.

SUHAKAM berharap kerjasama dengan Komnas HAM dan CHRP akan dapat diteruskan pada masa hadapan dalam usaha mencari penyelesaian jangka panjang ke arah memperkasa hak asasi orang tanpa kewarganegaraan di Sabah.





11 SEPTEMBER 2023

KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

SUHAKAM melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Pertemuan yang turut melibatkan beberapa Anggota Suruhanjaya tersebut membincangkan isu akses keadilan ke Mahkamah Syariah di Malaysia. Diharap pertemuan tersebut akan mengeratkan lagi kerjasama antara kedua-dua agensi dalam usaha memastikan hak asasi semua orang terus terpelihara khususnya berkaitan akses masyarakat kepada keadilan.

12 SEPTEMBER 2023

MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA HAK ASASI MANUSIA, MAJLIS PEGUAM (BAR COUNCIL)

SUHAKAM telah mengadakan mesyuarat dengan beberapa orang wakil daripada Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Majlis Peguam pada 12 September 2023. Mesyuarat tersebut membincangkan kolaborasi yang boleh dijalankan pada masa akan datang khususnya dalam menangani isu hak orang kurang upaya (OKU). Kedua-dua pihak optimis segala perkara yang dibincang dan dirancang akan dapat dilaksanakan selaras usaha memperkasa hak OKU di Malaysia.



'WORLD CLEANUP DAY' PERINGKAT SUHAKAM

19 SEPTEMBER 2023

Bersempena sambutan World Cleanup Day pada 16 - 24 September 2023, SUHAKAM telah bersama-sama menunjukkan sokongannya dengan menganjurkan 'World Cleanup Day' peringkat SUHAKAM pada 19 September 2023. Pada hari tersebut, warga SUHAKAM bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor dengan kerjasama padu oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Aktiviti ini selari dengan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597) bagi mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai hak asasi manusia khususnya hak kepada alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari.

Hasil aktiviti tersebut, sebanyak hampir 80% sisa pepejal di kawasan pantai termasuk lokasi tapak penjaja pasar basah berjaya dikumpul. SUHAKAM akan terus komited dalam mendukung 'Kelestarian Alam Sekitar Ke Arah Negara Yang Sihat, Bersih dan Mampan'.



BENGKEL LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (LDP) MODUL HAK ASASI MANUSIA UNTUK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)



SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah menerima jemputan dari Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PULAPOL) Kuala Lumpur untuk mengendalikan Bengkel Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada tenaga pengajar di PULAPOL bagi meningkatkan pengetahuan peserta khususnya mengenai Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis Diraja Malaysia yang telah dibangunkan oleh SUHAKAM dengan kerjasama PDRM.

Diharapkan sesi tersebut dapat membantu tenaga pengajar untuk memanfaatkan modul ini secara maksima dalam memberi pendidikan hak asasi manusia kepada anggota dan pegawai PDRM pada masa hadapan.



BUAL BICARA ISLAM DAN HAK ASASI MANUSIA DALAM RANCANGAN TELEVISYEN ‘ASSALAMUALAIKUM’



SUHAKAM amat berbesar hati apabila salah seorang Anggota Suruhanjaya, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal telah dijemput untuk membincarkan isu Islam dan Hak Asasi Manusia dalam sebuah rancangan terbitan TV Al-Hijrah iaitu ‘Assalamualaikum’. Semoga pengisian yang disampaikan dapat membuka minda dan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai perkaitan antara Islam dan hak asasi manusia.




IMBAS KOD QR DISINI UNTUK
MENONTON VIDEO PENUH



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) KALI KE-28 DAN PERSIDANGAN DWITAHUNAN FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (APF)

Delegasi SUHAKAM telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali ke-28 dan Persidangan Dwitahunan Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) pada 20 – 21 September 2023 di New Delhi, India. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Presiden India, Droupadi Murmu dan menghimpunkan ahli APF, pemerhati NHRI, organisasi masyarakat sivil dan pelbagai wakil daripada komuniti hak asasi manusia antarabangsa. Mesyuarat kali ini menyaksikan penerimaan pakai Deklarasi New Delhi di mana ahli APF menyatakan komitmen mereka untuk menangani pelbagai cabaran hak asasi manusia dalam usaha membentuk sebuah dunia yang lebih inklusif, adil dan mampan.



MESYUARAT BERSAMA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)

Buat julung kalinya, Anggota Suruhanjaya lantikan 2022-2025 telah dipertemukan dengan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dalam satu mesyuarat sdi Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur. Pertemuan ini merupakan permulaan bagi kerjasama antara MKBOKU dan SUHAKAM dalam usaha memastikan hak asasi orang kurang upaya terus terpelihara.

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) dan Sekretariat MKBOKU kerana telah membantu kelancaran pertemuan ini.





SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26125620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my